



# Laman Allamanda

EDISI 1 / 2020  
NASKAH PERCUMA

KULIM KE ARAH BANDAR PINTAR



**TERIMA KASIH  
BARISAN HADAPAN MPKK  
MENGEKANG PENULARAN (COVID-19)**

**LAWATAN KERJA Pengerusi  
JAWATAN KUASA  
INDUSTRI DAN PELABURAN,  
KERAJAAN TEMPATAN DAN  
PERUMAHAN NEGERI KEDAH  
KE MPKK**

KULIM BANDAR BERSIH, INDAH, MAJU DAN SELAMAT



SIRIM  
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2000  
REGISTRATION NO. JAL 1404



MS ISO/IEC GUIDE 52:1999  
QB 0212:1999 QB 01



IONet  
THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK



# KANDUNGAN

# LAMAN ALLAMANDA

## INFO PENGURUSAN

- MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS LANTIKAN 2020-2021 m/s 04
- MAJLIS PERJUMPAAN DAN LAWATAN KERJA YB SR. TAN KOK YEW BERSAMA PEGAWAI DAN AHLI MAJLIS DI MAJLIS PERBANDARAN KULIM m/s 05
- KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN USANG DI JALAN RAYA KULIM m/s 06
- PROGRAM BERSAMA KOMUNITI TAMAN PAYA SERDANG m/s 06
- MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH SEJAHTERA DAN BANTUAN BAIK PULIH RUMAH DAIF DI BAWAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR m/s 07
- OPERASI MENGOSONG DAN MERUNTUHKAN GERAI HARAM TANPA PERMIT m/s 08

## TERIMA KASIH KEPADA WIRA-WIRA NEGARA, JASAMU JADI SANJUNGAN

- OPERASI EDARAN NOTIS BAGI PEMATUHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SEMASA WABAK COVID-19 m/s 09
- OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 MPKK BERSAMA POLIS DIRAJA MALAYSIA m/s 09
- PELAKSANAAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN PROSES MENYAHKUMAN / DISINFEKSI KAWASAN STESEN BAS KULIM m/s 10
- OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 m/s 10
- OPERASI PEMANTAUAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 m/s 11
- COVID-19 - KERJA-KERJA DISINFEKSI DI KAWASAN TUMPUAN AWAM m/s 11

## INFO PENILAIAN

- KERJA-KERJA PENYEDIAAN SENARAI NILAIAN BAHARU KE ATAS HARTA-HARTA BERKADAR DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM m/s 12
- PROSES KERJA-KERJA PENYEDIAAN SENARAI NILAIAN BAHARU KE ATAS HARTA-HARTA BERKADAR DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM m/s 13

## INFO LATIHAN

- PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN ANGGOTA MPKK m/s 14
- SEMINAR GAYA HIDUP SIHAT 'LOVE LIVE' KEPADA PENJAWAT AWAM m/s 14
- BENGKEL PENGURUSAN RISIKO MS ISO 9001:2015 m/s 14

## INFO LA21

- PRODUK KOMUNITI TAMAN KELULUT MAJLIS PERBANDARAN KULIM m/s 15
- MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI DAN HARI BERTEMU PELANGGAN BERSAMA MENTERI BESAR KEDAH m/s 15
- LAWATAN BAHAGIAN PERTANIAN BANDAR PUTRAJAYA KEBUN KOMUNITI TAMAN SERAI SETIA PADANG SERAI m/s 16
- SAMBUTAN HARI KOMUNITI NEGARA m/s 16
- PENYERAHAN BANTUAN DAN SUMBANGAN SEMPERA TEMPOH PKP m/s 17
- KARNIVAL HARAPAN KEDAH m/s 17
- KEJOHANAN SEPAK TAKRAW BAWAH 16 TAHUN PIALA PEGAWAI DAERAH KULIM TAHUN 2020 m/s 18
- PROGRAM SUKAN RAKYAT BERSAMA KOMUNITI TAMAN TIRAM LUNAS ZON 14 MAJLIS PERBANDARAN KULIM m/s 18

## INFO MPKK

- PERKHIDMATAN MELALUI ATAS TALIAN/ 'ONLINE' MAJLIS PERBANDARAN KULIM m/s 19

# TINTA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt,

Syukur ke hadrat Illahi, Buletin Laman Allamanda oleh Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) diteruskan untuk penerbitan bagi Edisi 1 Tahun 2020 ini. Walaupun negara dan malahan seluruh dunia kini dilanda pandemik Covid-19, pelbagai usaha telah diambil oleh Majlis Perbandaran Kulim yang juga berperanan sebagai "Front Liner" untuk memastikan rantaian wabak Covid-19 diputuskan.

Walaupun operasi MPKK dilaksanakan melalui bekerja dari rumah bermula tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu, MPKK tetap melaksanakan tugas-tugas bagi pemantauan arahan PKP dan meneruskan perkhidmatan yang penting (*Essential Service*) kepada penduduk setempat khususnya pembayar cukai.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas komitmen dan kerjasama daripada ahli sidang pengarang dalam mengumpul dan menyediakan bahan maklumat berkaitan aktiviti, program dan pelbagai rutin kerja warga MPKK untuk tatapan para pembaca. Semoga maklumat ini dapat memberi info dan penyampaian maklumat kepada pihak berkepentingan bagi Majlis Perbandaran Kulim.

EDITOR  
BULETIN LAMAN ALLAMANDA, MPKK

## SIDANG REDAKSI BULETIN LAMAN ALLAMANDA EDISI 1/2020

- **Penaung**  
Haji Rohaizad Bin Rashid, AMK., BCK.  
Yang Dipertua, MPKK
- **Penasihat**  
Haji Saiful Anwar Bin Azmi, AMK., BCK.  
Setiausaha, MPKK
- **Editor**  
Puan Hasnita Binti Mohd Hashim
- **Pengarang**  
Puan Munira Binti Abdul Rahim
- **Wartawan**  
Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim  
Encik Syaiful Adnan Bin Othman
- **Konsep dan Reka Bentuk**  
Encik Khairul Syafiq Bin Shahari
- **Jurufoto**  
Encik Muhammad Amsyar Bin Falzi  
Encik Che Zubillah Bin Rosly  
Encik Mohd Saleh Bin Zakaria
- **Sidang Pengarang/ Sumber Maklumat**  
Jabatan Kesihatan Persekitaran  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penguatkuasaan  
Jabatan Perancangan dan Landskap  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta  
Jabatan Khidmat Pengurusan

Diterbitkan oleh : Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kulim  
No.1 Lebuhr Bandar 2, Bandar Putra, 09000 Kulim, Kedah Darul Aman

### HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Kulim

# MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS



Tanggal 7 Januari 2020, telah merealisasikan Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis bagi lantikan 2020-2021. Majlis telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Hikmah, Majlis Perbandaran Kulim.

Majlis ini turut melibatkan Ahli-ahli Majlis daripada PBT Hi-Tech. YB Sr Tan Kok Yew telah hadir bagi menyempurnakan pelantikan tersebut. Beliau turut menyampaikan amanat dan memberi penekanan kepada peranan Ahli Majlis kepada masyarakat khususnya.



Ahli Majlis memikul tanggungjawab untuk membantu PBT di dalam membuat dasar, merancang dan mengawasi pelaksanaan program pembangunan di peringkat PBT. Antara peranan Ahli Majlis kepada komuniti adalah menjadi wakil rakyat, tenaga masyarakat dan mata telinga PBT.

MPKK merakamkan ucapan TAHNIAH kepada Ahli Majlis yang telah dilantik.

# MAJLIS PERJUMPAAN DAN LAWATAN KERJA YB SR. TAN KOK YEW BERSAMA PEGAWAI DAN AHLI MAJLIS DI MAJLIS PERBANDARAN KULIM



16 Februari 2020 Yang Berhormat Sr. Tan Kok Yew, melaksanakan lawatan turun padang ke Daerah Kulim bagi mengadakan perjumpaan bersama pegawai dan Ahli Majlis PBT dalam Daerah Kulim. Beliau yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Kedah ketika itu telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan pandangan dan perancangan di PBT masing-masing. Program ini juga bertujuan untuk mendekatkan hubungan kepimpinan Daerah dengan Negeri supaya hala tuju yang sama dicapai bersama. Program ini turut dihadiri oleh YDP MPKK, YDP PBT Hi-Tech dan Ahli-ahli Majlis kedua-dua PBT.



# KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN USANG DI JALAN RAYA KULIM

Imej bagi sesebuah bandar penting dalam memastikan persekitaran yang lebih menarik dan kemas. Justeru itu, beberapa bangunan usang telah dikenalpasti untuk dibuat pembersihan. Notis telah dikeluarkan kepada pemilik bangunan namun atas faktor kepentingan awam dan landskap persekitaran, MPKK telah mengambil inisiatif untuk membuat pembersihan. Operasi tersebut melibatkan Jabatan Perancangan dan Landskap.



## PROGRAM BERSAMA KOMUNITI TAMAN PAYA SERDANG

1 Mac 2020, Program Gotong Royong bersama komuniti Taman Raya Serdang telah diadakan yang melibatkan penduduk setempat, agensi kerajaan & swasta, dalam Daerah Kulim. Turut menjayakannya ialah 50 orang sukarelawan, komuniti, E-Idaman Sdn. Bhd., SWCorp Kulim dan anggota kerja MPKK. Program diketuai oleh Encik Ahmad Shakir Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran.



# MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH SEJAHTERA DAN BANTUAN BAIK PULIH RUMAH DAIF DI BAWAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR


8 Mac 2020 Majlis Penyerahan Kunci Rumah Sejahtera dan Sumbangan Bantuan Baik Pulih Rumah Daif dalam Daerah Kulim telah diadakan dan bertempat di Kampung Sungai Badak. Majlis telah disempurnakan oleh YDP MPKK dan dihadiri bersama Dato' Abdul Ghafar Bin Yahya, Pemangku Pegawai Daerah Kulim, Ahli Majlis Zon 16 dan juga pihak Bomba Daerah Kulim.

Majlis menyaksikan penyerahan replika kunci yang telah disampaikan kepada dua orang penerima Program Bantuan Rumah Sejahtera dan kepada 16 penerima Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban kepada keluarga terlibat.



# OPERASI MENGOSONG DAN MERUNTUHKAN GERAI HARAM TANPA PERMIT

MPKK telah mengenal pasti pembinaan gerai-gerai haram tanpa permit di Pekan Karangan. MPKK telah menerima aduan daripada penduduk sekitar yang mana gerai-gerai tersebut telah dibina di kawasan yang tidak dibenarkan. Notis telah dikeluarkan kepada pemilik untuk tempoh 14 hari. Notis kedua dikeluarkan apabila pemilik tidak mengambil sebarang tindakan. Selepas tamat tempoh 30 hari, arahan operasi meruntuh telah dikeluarkan. Operasi tersebut melibatkan Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Kejuruteraan. Tindakan penguatkuasaan ini wajar dilakukan demi kepentingan masyarakat setempat dan pengguna. Keprihatinan MPKK untuk kesejahteraan rakyat.



# TERIMA KASIH KEPADA WIRA-WIRA NEGARA, JASAMU JADI SANJUNGAN

19 Mac 2020 – Notis-notis pemantauan telah dikeluarkan kepada semua penjaja, pemilik premis perniagaan dan restoran.

Notis melibatkan penyediaan perkhidmatan secara “Take away” atau pandu lalu sahaja. Operasi melibatkan Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Penguatkuasaan, notis telah dikeluarkan kepada 205 premis dan 176 penjaja.



21 Mac 2020 – Operasi bersepadu MPKK bersama PDRM untuk pemantauan ke atas premis perniagaan yang dibenarkan beroperasi secara bersyarat.



23 Mac 2020 – Kerja-kerja pembersihan dan proses menyahkuman telah dijalankan di sekitar kawasan tumpuan seperti pasar dan stesen bas.

Jabatan terlibat terdiri daripada anggota Jabatan Kesihatan Persekitaran dan petugas Pejabat Kesihatan Daerah Kulim.



26 Mac 2020 – Operasi bersepadu telah dijalankan bagi pemantauan Perintah Kawalan Pergerakan melibatkan anggota MPKK dan PDRM.

Amaran telah dikeluarkan kepada peniaga yang ingkar dan kompaun akan dilakukan jika masih ingkar.



12 April 2020 – Kawalan pemantauan telah diadakan di Pasar Awam Kulim kepada peniaga yang tidak mematuhi (SOP PKP) yang ditetapkan.



13-14 April 2020 – Kerja-kerja disinfeksi di kawasan tumpuan awam telah dibuat di Pasar Raya Tesco Kulim dan Kulim Central. Operasi melibatkan MPKK dan Bomba.



# KERJA-KERJA PENYEDIAAN SENARAI NILAIAN BAHARU KE ATAS HARTA-HARTA BERKADAR DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Pihak Berkuasa Negeri Kedah telah mengambil keputusan di bawah seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan untuk Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah menyediakan Senarai Nilai Baru.

Kerja-kerja penyediaan Senarai Nilai Baru tersebut perlu dilaksanakan sendiri oleh pegawai dan anggota di PBT masing-masing. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKK diketuai oleh Puan Fauziah Binti Abd Mutalib, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah memulakan kerja-kerja lawat periksa ke atas semua harta-harta dalam pentadbiran MPKK.

Notis pemakluman dan borang maklumat telah diedarkan kepada semua pemegang harta bermula **1 APRIL 2019**.

## TAHUKAH ANDA APA ITU CUKAI TAKSIRAN/KADARAN?

Kadaran mengikut istilah umum adalah cukai pintu, cukai taksiran atau cukai harta yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menampung perbelanjaan penyediaan perkhidmatan, pembangunan dan kemudahan awam di bawah Peruntukan Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Terdapat dua asas bagi kadaran iaitu Nilai tahunan (Nilai Sewaan) dan Nilai tambah (Nilai Pasaran).

- Mengemaskini maklumat-maklumat pegangan yang terkini.
- Mengukur binaan atau tambahan pegangan semasa di tapak.
- Memberi keadilan cukai kepada semua pihak.
- Meningkatkan hasil kepada MPKK.



- Cukai yang dikutip akan disalurkan kepada pembangunan bandar/daerah dan untuk kemudahan yang efisien.

**MENGAPA PENILAIAN SEMULA PERLU DILAKSANAKAN**

# PROSES KERJA-KERJA PENYEDIAAN SENARAI NILAIAN BAHARU KE ATAS HARTA-HARTA BERKADAR DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM



UKUR PERIKSA



PENGIRAAN KELUASAN BINAAN BANGUNAN



MEMBUAT NILAIAN CUKAI TAKSIRAN



PENGESAHAN NILAIAN BAHARU

## AKTIVITI PENGUKURAN DAN LAWAT PERIKSA HARTANAH / PEGANGAN



# PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN ANGGOTA MPKK

11 MAC 2020 KULIM INN



Matlamat dan objektif kursus membina kesedaran kepada warga kerja tentang kepentingan membina keupayaan dan pencapaian mengukuhkan jati diri dan memberi suntikan motivasi kepada warga kerja merapatkan hubungan dan komunikasi di pelbagai peringkat dan lapisan anggota dan seterusnya menjana tenaga kerja yang ceria dan bertenaga (*'Vibrant Workforce Pemangkin Organisasi'*).

## SEMINAR GAYA HIDUP SIHAT 'LOVE LIVE' 29 JANUARI 2020 KULIM INN

### KEPADA PENJAWAT AWAM



Objektif dan matlamat seminar memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan budaya kerja sihat sama ada dari segi teori dan praktikal dalam membentuk budaya kerja sihat dan sejahtera di MPKK. Memberi kesedaran tentang faktor risiko sebagai contoh obesiti, tekanan darah tinggi, kencing manis dan juga kandungan kolestrol yang tinggi bagi meningkatkan kefahaman berkaitan gaya hidup sihat terutamanya di tempat kerja. Menjadikan pekerja yang sihat dari segi fizikal dan mental dalam memberikan perkhidmatan yang cekap dan produktif kepada pelanggan dan ini sekaligus akan meningkatkan imej MPKK secara amnya.

## BENGGKEL PENGURUSAN RISIKO MS ISO 9001:2015

27-28 JANUARI 2020 BILIK MESYUARAT AL-HIKMAH, MPKK

Objektif bengkel ini untuk mengemaskini dan menyediakan Pelan Pengurusan Risiko bagi Majlis Perbandaran Kulim. Bengkel ini susulan daripada cadangan penambahbaikan prosedur MS ISO 9001:2015



# PRODUK KOMUNITI TAMAN KELULUT MAJLIS PERBANDARAN KULIM



Taman Kelulut Komuniti MPKK terletak di Jalan Lebu Bandar 4/2, Bandar Putra, Kulim, Kedah Darul Aman. Taman ini dibina dengan kerjasama Komuniti Persatuan Penduduk Kampung Sungai Tengah, Mukim Terap, Kulim Kedah di bawah Program Local Agenda 21 Majlis Perbandaran Kulim.

Pada peringkat awal program pembersihan tapak telah dijalankan secara bergotong-royong melibatkan Komuniti, MPKK dan E-Idaman pada 23 Februari 2019. Kerja pembinaan pagar siap dijalankan pada 12 September 2019. Kerja-kerja akhir melibatkan penyediaan tapak log serta menanam pokok sumber selesai pada 20 Disember 2019.

Taman Kelulut Komuniti ini diwujudkan di bawah inisiatif Local Agenda 21 MPKK sebagai usaha untuk membantu komuniti menghasilkan produk tempatan untuk dipasarkan. Ianya juga adalah sebagai satu usaha menambah pendapatan komuniti setempat dan dapat memanfaatkan suatu sudut tanah lapang yang terbiar di dalam kawasan bandar.

## MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI DAN HARI BERTEMU PELANGGAN BERSAMA MENTERI BESAR KEDAH



19 JANUARI 2020 – Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Kedah telah mengadakan Satu Majlis Perhimpunan dan Hari Bertemu Pelanggan Bersama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar Kedah Darul Aman bertempat di Dataran Medan Bandar Alor Setar. Majlis Perbandaran Kulim turut dijemput menyertai pameran yang turut disertai oleh pelbagai agensi-agensi lain.

# LAWATAN BAHAGIAN PERTANIAN BANDAR PUTRAJAYA KEBUN KOMUNITI TAMAN SERAI SETIA PADANG SERAI

Kebun Komuniti Taman Serai Setia, Padang serai menerima lawatan sambil belajar dari pihak Kementerian Pertanian Malaysia yang melibatkan Pegawai Pertanian Bandar Seluruh Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak). Bandar Kulim dipilih untuk dilawati kerana konsep pertanian yang dilaksanakan oleh MPKK bersama komuniti kebun lebih berkonsepkan kepada komersial dan amalan pertanian secara berterusan.

Kawasan lawatan meliputi Kebun Komuniti Taman Angsana, Pusat Pengkomposan Baja Organik Taman Angsana dan seterusnya Kebun Komuniti Taman Serai Setia ini untuk melihat kaedah pertanian pintar iaitu menggunakan sistem tanaman fertigasi. Pelawat seterusnya dibawa ke Agro Farm Taman Desaku Padang Meha yang terkenal dengan penggunaan SPAH iaitu sistem pengumpulan air hujan.



## SAMBUTAN HARI KOMUNITI NEGARA (HKN)

28 & 29 Februari 2020

Perkarangan Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak



HKN telah disambut pada 28 dan 29 Februari 2020 bertempat di Perkarangan Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak. Sambutan ini diadakan untuk meraikan dan menghargai sumbangan/ kerjasama rakan strategik bersama komuniti yang telah menyumbang dalam usaha memperkasakan komuniti setempat demi mewujudkan generasi mampan selaras dengan matlamat dasar komuniti negara. Sambutan ini juga adalah sebagai salah satu platform bagi mengiktiraf penglibatan dan sumbangan komuniti/ individu terutamanya Program Perumahan Rakyat (PPR) yang akan dijadikan contoh kepada PPR yang lain. Program-program tersebut adalah diselaraskan oleh Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti yang berperanan sebagai penggerak kepada aktiviti komuniti.

# KARNIVAL HARAPAN KEDAH



Karnival Harapan Kedah telah diadakan dari 2 Januari 2020 hingga 5 Januari 2020 bertempat di Stadium Mini Keladi yang telah dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Kedah. Pelbagai program dan aktiviti telah diadakan antaranya ceramah agama, pameran dari Jabatan/Agensi Kerajaan serta jualan 'best buy' oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Majlis Pelancaran 'MyTravelBooks' telah diadakan bagi mempromosikan sektor pelancongan dan menjadikan Kulim sebagai hab pelancongan digital dan PBT. MPKK turut mengadakan pameran dan Hari Bertemu Pelanggan bersama pengunjung.

Karnival ini turut diserikan dengan persembahan oleh artis terkenal, pemeriksaan kesihatan dan kenderaan, sukan tradisional dan e-sport serta aktiviti lasak seperti 'Flying Fox' dan 'Wall Climbing'. Karnival turut menempatkan 118 pondok pameran dan jualan. Seramai 50,000 ke 100,000 pengunjung membanjiri karnival tersebut.

# PENYERAHAN BANTUAN DAN SUMBANGAN SEMPENA TEMPOH PKP



Tuan Haji Saiful Anwar Bin Azmi, Setiausaha MPKK meluangkan masa turun padang menyampaikan sendiri sumbangan kepada penduduk bersama-sama anggota dari Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) wabak Covid-19.



# KEJOHANAN SEPAK TAKRAW BAWAH 16 TAHUN PIALA PEGAWAI DAERAH KULIM TAHUN 2020

Majlis Sukan Negeri Kedah (MSN) dengan kerjasama Pejabat Daerah dan MPKK telah menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Bawah 16 Tahun, Piala Pegawai Daerah Kulim pada 29 Februari 2020 bertempat di sekolah Menengah Kebangsaan Kulim. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Pegawai Daerah Kulim, beliau dalam ucapannya berharap semangat kesukanan di kalangan para remaja / belia dapat diteruskan lagi bagi memangkin generasi masa depan yang cergas dan bertenaga. Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta yang menyertai kejohanan pada hari ini. Penyertaan melibatkan 10 buah sekolah dari setiap daerah dalam Negeri Kedah.

Pertandingan telah diadakan secara liga dan menggunakan peraturan daripada ISTAF. Objektif utama kejohanan ini adalah untuk menyahut seruan YB Menteri Belia dan Sukan agar acara sukan di kalangan remaja/belia dapat diperbanyakkan bagi mengasah bakat-bakat baharu. Tahniah kepada pemain-pemain muda yang telah beraksi dengan cemerlang serta mempamerkan permainan yang bersih. "Maju Sukan Untuk Negara".



# PROGRAM SUKAN RAKYAT BERSAMA KOMUNITI TAMAN TIRAM LUNAS ZON 14

Komuniti Taman Tiram Zon 14 telah menganjurkan Sukan Rakyat bertempat di Padang Bola Sepak Taman Tiram, Lunas. Acara ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim di kalangan penduduk dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Beberapa acara telah diadakan seperti Golek Gelung, Labah-Labah Terbang, Kereta Sorong, Semakin Hari Semakin Sayang dan lain-lain. MPKK telah dijemput untuk turut serta dalam acara yang telah dipertandingkan. Program telah dirasmikan oleh Encik Shamsul Anuar, Ahli Majlis MPKK dan turut menyampaikan hadiah kepada pemenang. Tahniah kepada yang berjaya.



# PERKHIDMATAN MELALUI TALIAN / 'ONLINE' MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Sistem eBayar, merupakan satu sistem yang memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat bayaran bil MPKK secara atas talian. Pembayaran boleh dibuat menggunakan kemudahan MEPS FPX.

## Langkah-Langkah sebelum menggunakan eBayar.

Bagi memastikan transaksi bayaran adalah SELAMAT, langkah-langkah berikut MESTI dilaksanakan sebelum kemudahan eBayar dapat digunakan.

- Daftar untuk perkhidmatan perbankan elektronik dengan bank berkaitan.
- Mempunyai Akaun Semasa/ Simpanan daripada bank-bank berkaitan.
- Daftar sebagai ahli eBayar Majlis Perbandaran Kulim

**Maklumat: Tiada caj tambahan yang dikenakan untuk kemudahan eBayar**



Bank yang terlibat




Layari <http://ebayar.mpkk.gov.my> untuk keterangan dan maklumat lanjut.

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT

- e-Taksiran
- e-Kompaun
- e-Tempah
- e-Bayar
- e-Sewa





KAJIAN KEPUASAN HATI PELANGGAN TERHADAP  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM



TUAN/PUAN PARA PEMBACA YANG DIHORMATI,  
DIALU-ALUKAN KEPADA PARA PEMBACA YANG MENETAP DI KAWASAN  
PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM, KEDAH UNTUK MENJAWAB  
SOAL SELIDIK KAJIAN KEPUASAN HATI PELANGGAN TERHADAP  
PERKHIDMATAN KAMI.

SILA SCAN BARCODE INI UNTUK MENJAWAB.  
KERJASAMA DAN MAKLUM BALAS ANDA AMAT KAMI HARGAI  
UNTUK PENAMBAHBAIKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG  
LEBIH BAIK KEPADA ANDA



Majlis Perbandaran Kulim  
No.1 Lebu Bandar 2,  
Bandar Putra, 09000 Kulim  
Kedah Darul Aman



04 - 432 5225



[www.mpkk.gov.my](http://www.mpkk.gov.my)



[majlis perbandaran kulim](https://www.facebook.com/majlis.perbandaran.kulim)



[info\\_mpkk](https://www.instagram.com/info_mpkk)